

# Empat program Ijazah Sarjana Muda di tiga politeknik premier

JOHOR BAHRU 25 Ogos - Bagi memastikan politeknik di negara ini kekal relevan dan kompetitif, empat program pengajian peringkat ijazah sarjana muda akan dilaksanakan di tiga politeknik premier bermula pengambilannya September ini.

Program tersebut ialah Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti, Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa serta Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar berkata, dua program akan dilaksanakan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor dan baki dua program masing-masing di Politeknik Ibrahim Sultan, dekat sini dan Politeknik Ungku Omar, Perak.

Menurutnya, tiga daripada program itu dilaksanakan sendiri sepenuhnya politeknik terbabit manakala Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan dibuat secara kerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Dua program iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dan Ijazah Sarjana Muda



**MOHLIS Jaafar (tengah) bersama wakil pelbagai agensi pelancongan dan hotel dalam pelancaran program Ijazah Sarjana Muda Sains di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.**

Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan dijalankan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor.

"Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa dilaksanakan di

Politeknik Ibrahim Sultan dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam di Politeknik Ungku Omar," katanya selepas melancarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, di sini ba-

ru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan, Datuk Dr. Arshad Kassim.

Mengulas lanjut, Mohlis berkata, buat permulaan, seramai 120 penuntut terpilih mengikuti program

tersebut mulai 2 September ini dengan setiap program hanya mengambil seramai 30 penuntut.

Katanya, program itu akan dilaksanakan menggunakan konsep *work based learning* dengan penuntut akan ditempatkan di industri selama setahun bagi tempoh pengajian empat tahun supaya mendapat pengalaman terus daripada pihak industri.

"Penuntut yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan yang dijalankan secara kerjasama itu perlu mengikuti program pengajian selama dua tahun di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebelum menamatkan pengajian pada tahun berikutnya di UTHM," katanya.

Beliau berkata, sebagai peneraju utama Pendidikan Teknikal Vokasional dan Latihan (TVET) penwaran program Ijazah Sarjana Muda berkenaan dapat melahirkan modal insan yang inovatif, kreatif dan responsif.

Malah, katanya, pelaksanaan program itu selari dengan objektif kedua transformasi politeknik iaitu memastikan politeknik terus relevan selari kehendak pembangunan ekonomi negara selepas 44 tahun diwujudkan.